

24 SEP 1999

Mahathir-UNGA

DR MAHATHIR KETUAI DELEGASI MALAYSIA KE UNGA 54

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi ke-54 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatua (UNGA) dari 26 hingga 29 Sept di New York.

Satu kenyataan Kementerian Luar hari ini berkata Perdana Menteri akan berucap pada sidang pleno UNGA, pada Rabu, kemuncak program lawatannya ke New York.

Dr Mahathir akan membuat kunjungan hormat terhadap Presiden Sesi UNGA ke-54, Theo-Ben Gurirab dan Setiausaha Agung PBB Kofi Annan.

Perdana Menteri juga dijadual berucap pada jamuan malam Masyarakat Korporat Asia, sesi pertama Majlis Perniagaan Malaysia-Amerika Syarikat dan Majlis Amerika Syarikat mengenai hubungan luar.

Perdana Menteri yang akan berlepas ke New York malam esok, turut dijadual mengadakan pertemuan dengan para pemimpin industri pelancongan Amerika Syarikat dan masyarakat Malaysia yang menetap di New York.

Anggota rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, anggota parlimen dan para pegawai kanan Kementerian Luar dan pejabat Perdana Menteri.

Kali terakhir Dr Mahathir menghadiri Sesi UNGA ialah pada sesi ke-51 tahun 1996, semasa Tan Sri Razali Ismail, wakil tetap PBB ketika itu, dilantik sebagai presiden Sesi UNGA.

Sesi UNGA, yang diadakan setiap tahun, dirasmikan pada 14 Sept untuk sesi ini dan akan ditangguhkan paling lewat pada minggu ketiga Disember.

-- BERNAMA

ZKS RON